



Manuscript Title: Bahasa Arab dalam Sosiologi Bahasa dan Agama di Malaysia, 1981-2022

Authors: Munif Zarirruddin Fikri Nordin

Accepted Date: 09- Mac-2024

Please cite this article as: Munif Zarirruddin Fikri Nordin. Bahasa Arab dalam sosiologi bahasa dan agama di Malaysia, 1981-2022. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**BAHASA ARAB DALAM SOSIOLOGI BAHASA DAN AGAMA DI
MALAYSIA, 1981-2022**

***ARABIC LANGUAGE IN THE SOCIOLOGY OF LANGUAGE AND
RELIGION IN MALAYSIA, 1981-2022***

Munif Zarirruddin Fikri Nordin

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia,
Kedah, Malaysia

Email: munif@uum.edu.my

ABSTRACT

Arabic is one of the languages that fill the space for the manifestation of language and religion as a social phenomenon in Malaysia, at least for the past seven centuries. There are several issues and challenges behind the manifestation, which left a great impact, especially on the formation of the understanding, practice, and identity of the Malay-Muslim community nowadays. This paper aims to discuss the position of the Arabic language in the sociology of language and religion in Malaysia and study the Arabic language function in the formation of the understanding of Islam and the identity of the Malay-Muslim community in Malaysia. The issue analysed is islamisation in Malaysia, from 1981 to 2022. The data analysis are the previous studies and writings that support and refute islamisation in Malaysia during these four decades. The findings show that from a linguistic point of view, Arabic has a unique and special position in Malaysia; and from a religious point of view, Arabic is a glorified language. The findings also showed that the Arabic language has an important function in the formation of the understanding, practice, and identity of the Malay-Muslim community in Malaysia. At the same time, there are ups and downs experienced by the Arabic language, especially extreme and fanatical (obsessive) responses on islamisation among some Malay-Muslim community, triggering a new form of social phenomena, through the proliferation of today's social media.

Keywords: language, religion and society, Arabic language in Malaysia, sociology of language and religion

ABSTRAK

Bahasa Arab ialah salah satu bahasa yang mengisi ruang pemanifestasian bahasa dan agama sebagai fenomena sosial di Malaysia, sekurang-kurangnya sejak tujuh abad yang lalu. Terdapat beberapa isu dan cabaran di sebalik pemanifestasian tersebut, yang meninggalkan dampak yang besar, khususnya terhadap pembentukan kefahaman, praktis dan identiti masyarakat Melayu-Islam sekarang. Makalah ini bertujuan membincangkan kedudukan bahasa Arab dari sudut sosiologi bahasa dan agama di Malaysia dan meneliti fungsi bahasa Arab dalam pembentukan kefahaman Islam dan identiti masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Isu yang dianalisis ialah islamisasi di Malaysia, mulai 1981 hingga 2022. Data analisis ialah kajian dan tulisan yang menyokong dan menyanggah islamisasi di Malaysia sepanjang tempoh empat dekad tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa dari sudut linguistik, bahasa Arab mempunyai kedudukan yang unik dan istimewa di Malaysia; dan dari sudut agama pula bahasa Arab ialah bahasa yang dimuliakan. Dapatan juga memperlihatkan bahawa bahasa Arab mempunyai fungsi penting dalam pembentukan kefahaman, praktis dan identiti masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Pada masa yang sama, terdapat pasang surut yang dilalui oleh bahasa Arab, terutamanya respons yang ekstrem dan taasub terhadap islamisasi dalam kalangan beberapa kelompok masyarakat Melayu-Islam sehingga mencetuskan fenomena sosial bentuk baharu, melalui kepesatan media sosial hari ini.

Kata kunci: bahasa, agama dan masyarakat, bahasa Arab di Malaysia, sosiologi bahasa dan agama

PENGENALAN

Dalam geografi dunia Islam, baik di Malaysia mahupun di mana-mana negara bukan Arab, bahasa Arab ialah bahasa asing. Hal ini demikian kerana di negara-negara bukan Arab, bahasa Arab bukan berasal dari susur galur keluarga bahasa masyarat asal tempatan. Dalam konteks Malaysia, bahasa Arab bukanlah salah satu cabang keluarga bahasa Austronesia sepertimana bahasa Melayu.

Sebaliknya, bahasa Arab tergolong dalam rumpun bahasa Semit bersama-sama bahasa Ibrani, Akadia, Etiopia dan lain-lain. Kawasan difusi utama rumpun bahasa Austronesia ialah Asia Tenggara, manakala bagi bahasa Semit pula ialah

kawasan Timur Tengah dan utara Afrika (Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia, 1998).

Terdapat sekurang-kurangnya tiga faktor utama yang membawa bahasa Arab dari dunia Arab ke Malaysia, khususnya pada peringkat awal pertahapannya, selewat-lewatnya pada abad ke-14 (al-Attas, 1972; 2001), sekiranya tulisan pada Baru Bersurat Terengganu dijadikan bukti. Ketiga-tiga faktor yang dimaksudkan ialah perdagangan, penyebaran Islam dan pendidikan. Meskipun setiap faktor mempunyai latar perkembangan yang tersendiri, namun masih terdapat hubungan yang saling melengkapi. Misalnya, faktor pendidikan mempunyai hubungan yang erat dengan faktor penyebaran Islam kerana pendidikan merupakan salah satu platform dakwah dan pengembangan ajaran Islam secara sistematik berpandukan kurikulum dan sukatan pelajaran.

Sepanjang tujuh abad sejak ketibaan Islam dan bahasa Arab pada abad ke-14 yang lalu sehingga sekarang, bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang mengisi ruang pemanifestasian bahasa dan agama sebagai fenomena sosial di Malaysia. Di sebalik pemanifestasian tersebut, terdapat beberapa isu dan cabaran linguistik dan sosiologi, yang meninggalkan dampak yang besar, khususnya terhadap pembentukan kefahaman, praktis dan identiti masyarakat Melayu-Islam.

Makalah ini bertujuan meneliti kedudukan bahasa Arab dari sudut sosiologi bahasa dan sosiologi agama di Malaysia dari 1981 hingga 2022. Selain itu, makalah ini menghuraikan fungsi bahasa Arab dalam pembentukan kefahaman Islam dan identiti masyarakat Melayu-Islam di Malaysia.

Kerangka analisis ialah pendekatan sosiologi Ibn Khaldun (t.t.) dalam fasal 22 bab keempat magnum opusnya *Muqaddimah Ibni Khaldun*, iaitu domain politik dalam perkembangan bahasa dan bahasa sebagai simbol (identiti) dalam perkembangan tersebut. Domain politik merujuk kuasa politik yang perlu digunakan dengan sebaiknya oleh kerajaan. Ibn Khaldun (t.t.) menghujahkan tindakan Saidina Umar al-Khattab melarang penggunaan bahasa selain bahasa Arab pada zaman pemerintahannya merupakan antara contoh kepentingan kuasa politik dalam merancang perkembangan bahasa. Bahasa sebagai simbol pula bermaksud bahasa ialah identiti syiar agama, kewujudan bangsa dan kelestarian tamadun, serta tanda kepatuhan masyarakat dan kawasan yang dikuasai oleh sesuatu pemerintahan.

Isu yang dianalisis ialah islamisasi di Malaysia, mulai 1981 hingga 2022. Justifikasi tempoh 41 tahun dipilih adalah kerana dua faktor. Pertama, pada peringkat antarabangsa, tempoh lebih empat dekad tersebut bermula dengan kebangkitan Islam pasca-Revolusi Iran 1979 yang berlanjutan sehingga sekarang. Kedua, pada peringkat domestik, tempoh tersebut ditandai oleh perbezaan agenda

dan slogan pendekatan Islam dalam kepemimpinan lapan perdana menteri (PM) Malaysia, iaitu PM ketiga Hussein Onn (15 Januari 1976-16 Julai 1981) hingga kepemimpinan PM kesepuluh Anwar Ibrahim (24 November 2022-sekarang).

Dalam makalah ini, islamisasi bermaksud proses pengislaman melalui dua cara, seperti yang dikonsepsikan oleh Shamsul Amri Baharuddin (2007: 49). Pertama, bawah ke atas, iaitu tanggungjawab dakwah, yang dilaksanakan oleh individu mahupun jemaah atau organisasi. Kedua, atas ke bawah, iaitu agenda atau program nasional, melalui dasar-dasar negara yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan.

Dalam kedua-dua cara berkenaan, proses islamisasi secara langsung melibatkan sebahagian besar aspek kefahaman, praktis dan identiti agama masyarakat Melayu-Islam, di samping meninggalkan kesan tidak langsung kepada kehidupan masyarakat bukan Islam di Malaysia. Proses ini mengangkat fungsi bahasa Arab sebagai bahasa untuk memahami sumber Islam, iaitu al-Quran dan hadis. Sumber sekunder yang menyokong dan menyanggah islamisasi di Malaysia sepanjang tempoh empat dekad dianalisis.

Hubungan antara bahasa dengan agama ialah hubungan yang sangat simbiotik. Kedua-duanya saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Bahasa memerlukan agama sebagai kandungan dan bahan perkembangannya. Agama pula memerlukan bahasa sebagai alat penyebaran dan pengamalannya (Munif, 2015a).

Untuk memahami kedudukan bahasa dan agama sebagai fenomena sosial, pendekatan yang paling holistik ialah sosiologi bahasa dan sosiologi agama. Secara umumnya, sosiologi ialah ilmu tentang masyarakat, seperti cara kehidupan, pertumbuhan, identiti, interaksi, tingkah laku, konflik dan sebagainya seperti yang dikemukakan oleh August Comte, Karl Marx, Max Weber dan lain-lain (Jenkins, 2002).

Sosiologi bahasa, yakni sebagai salah satu cabang linguistik mengkaji hubungan bahasa dengan masyarakat pengguna bahasa tersebut. Hubungan tersebut meliputi keseluruhan topik yang berkaitan dengan organisasi sosial tingkah laku bahasa, termasuk tidak hanya penggunaan bahasa semata-mata, tetapi juga sikap bahasa dan perilaku terang-terangan terhadap bahasa dan terhadap pengguna bahasa (Fishman, 1971: 217). Bidang ini bermula dari anggapan bahawa bahasa ialah nilai sosial, dan kajiannya adalah mengenai bahasa dalam kalangan kumpulan sosial, terutama fenomena seperti konflik bahasa dan multibahasa (Chen, 1997). Hassan Ahmad (2016) memperincikan lagi hubungan tersebut dengan usul bahawa cerminan budaya serta kecekapan budaya berbahasa dan adat berbahasa terpancar dalam penggunaan bahasa menurut konteks sosial

sesuatu masyarakat, melalui kelakuan sosial atau bahasa sopan, bahasa halus, bahasa kasar, budi bahasa dan sebagainya.

Dalam makalah ini, sosiologi bahasa merujuk bahasa sebagai identiti dan proses sosial masyarakat Malaysia. Bahasa yang dimaksudkan ialah bahasa Arab sebagai petunjuk jati diri keislaman dan sebagai pengukur respons masyarakat Islam dan bukan Islam terhadap agenda Islam di Malaysia. Identiti dan proses sosial pula bermaksud sifat atau ciri tertentu dalam aktiviti kehidupan yang ditunjukkan oleh penggunaan bahasa seseorang individu atau masyarakat. Dalam teori identiti sosial yang dikemukakan oleh Tajfel dan Turner (1986), penggunaan bahasa merupakan salah satu fenomena tingkah laku individu atau masyarakat.

Sebagai salah satu cabang sosiologi, sosiologi agama pula bermaksud hubungan agama dengan komuniti penganut agama berkenaan. Hubungan tersebut mencakupi amalan, struktur sosial, latar belakang sejarah, perkembangan, tema universal, dan peranan agama dalam masyarakat. Hubungan tersebut juga memperlihatkan kesan masyarakat terhadap agama dan kesan agama terhadap masyarakat; atau dengan kata lain, hubungan dialektik mereka (New World Encyclopedia, 2021).

Dari segi sejarah, sosiologi agama sangat penting dalam bidang sosiologi, dengan tokoh-tokoh awal seperti Emile Durkheim, dan Max Weber menulis secara meluas mengenai peranan agama dalam masyarakat. Untuk mewujudkan dunia yang sejahtera dan damai, keharmonian antara agama sama ada agama langit atau agama budaya sangat penting. Dalam hubungan ini, sosiologi agama ialah bidang yang berupaya menyumbang kepada pemahaman yang diperlukan untuk membangunkan dan memajukan dunia seperti realiti ini. (New World Encyclopedia, 2021).

Dalam makalah ini, sosiologi agama bermaksud agama sebagai pegangan hidup dan identiti masyarakat Malaysia. Agama yang dimaksudkan ialah Islam sebagai kepercayaan dan panduan, serta sebagai ciri khusus yang membezakan pemikiran dan tindakan antara masyarakat Islam dengan masyarakat bukan Islam di Malaysia. Seperti yang dibincangkan oleh Mansor Mohd Noor (2020), Islam di Malaysia merupakan penjaga yang mengawal ikatan sosial dan pembinaan negara bangsa.

Gabungan sosiologi bahasa dan sosiologi agama dalam bentuk interdisiplin menghasilkan sosiologi bahasa dan agama. Melalui gabungan ini, hubungan yang terjalin antara bahasa dan agama dengan komuniti kedua-duanya, iaitu sebagai fenomena sosial yang berlaku dalam sesebuah komuniti, dapat difahami. Menurut Omoniyi dan Fishman (2006), fungsi penting bahasa dan agama dalam masyarakat perlu diperlihatkan melalui hubungan interdisiplin antara kedua-

duanya. Dalam makalah ini, fenomena tersebut ditandai oleh faktor, pola, tempoh, lokasi, peserta dan kesan terhadap komuniti berkenaan dengan merujuk pandangan Crystal (1999).

BAHASA DAN AGAMA SEBAGAI FENOMENA SOSIAL DI MALAYSIA

Terdapat beberapa kajian penting tentang bahasa dan agama sebagai identiti masyarakat di Malaysia. Sebagai contoh, Mohd Aris Haji Othman (1985) mendapati definisi Melayu menurut Perlembagaan Malaysia, iaitu menganut agama Islam, bertutur dalam bahasa Malaysia dan mengamalkan adat istiadat Melayu, tidak menggambarkan identiti Melayu sebagai satu kelompok etnik dalam realiti sebenar. Identiti Melayu di Malaysia yang dicirikan oleh Perlembagaan Malaysia dikemukakan berdasarkan pertimbangan dalam konteks politik dan ekonomi.

Dari perspektif yang berbeza, Wan Norhasniah Haji Wan Husin (2010) menghujahkan bahawa budi-Islam merupakan teras pembentukan identiti dan jati diri masyarakat Melayu dengan tujuan untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Semangat bertolak ansur, berkerjasama dan saling tolong menolong yang menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat Melayu merupakan antara sifat terpuji yang terkandung dalam Islam.

Sebilangan besar isu antara agama yang dibangkitkan di Malaysia berkisar tentang status Islam sebagai agama persekutuan seperti yang dinyatakan dalam Artikel 3 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan dan pemupukan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam (Aemy, Jaffary & Idris, 2014). Walaupun kebebasan untuk beragama telah dijamin dalam Artikel 11, dominasi budaya dan nilai-nilai Islam di negara ini telah mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat bukan Islam (Aemy et al., 2014).

Dari segi kesan, menurut Abdul Rahman Embong (2001), dekad 1980-an ialah zaman gelap bagi hubungan antara agama dan etnik di Malaysia kerana munculnya gerakan kebangkitan Islam dan pengembangan budaya dan nilai-nilai Islam di ruang awam. Rasa takut yang merupakan sebahagian daripada ciri Islamofobia ini telah beransur-ansur dizahirkan oleh masyarakat bukan Islam dalam bentuk penentangan yang bersifat rasialisme.

Sehubungan itu, untuk merapatkan jurang antara agama, Mansor Mohd Noor (2005) mencadangkan supaya pengajian agama disepadukan bersama-sama dengan ilmu sains sosial dan sosiologi agama. Dalam konteks pembentukan identiti agama di Malaysia, kefahaman tentang makna wahyu misalnya boleh

menjadi satu cabaran besar untuk ditentusahkan apabila makna tersebut dimanipulasi oleh golongan agamawan berautoriti yang berkepentingan material dan duniawi.

Kebimbangan masyarakat bukan Islam, iaitu rasa takut mereka bahawa Malaysia akan berubah menjadi sebuah negara teokratik dizahirkan oleh kajian Ahmad F. Yousif (2011). Seterusnya, Ahmad (2011) menyenaraikan perubahan yang mereka takuti, iaitu pembatasan kebebasan beragama mereka; sekatan pembinaan tempat pemujaan dan tanah perkuburan mereka; larangan penggunaan kata-kata bahasa Melayu yang berasal dari bahasa Arab seperti Allah, ibadat dan haji, larangan penerbitan Injil dalam bahasa Melayu; pemaksaan sistem pendidikan yang memfokuskan pendidikan Islam dan bukannya pendidikan agama mereka sendiri; penambahan bilangan program Islam di media nasional; dan peluasan kebebasan memeluk agama Islam.

Walaupun bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam pembentukan kefahaman agama, namun peranannya meninggalkan identiti yang tidak jelas kerana bahasa Melayu terlalu eksklusif untuk masyarakat Islam (Munif, 2018) Kajian Munif (2018) juga menunjukkan bahawa perbezaan pentafsiran tentang identiti agama telah mempengaruhi perbezaan fahaman politik dan aliran intelektual di Malaysia, dengan mengambil contoh pandangan berbeza dalam kalangan pemimpin Parti Islam Se-Malaysia pada tahun 2015 mengenai penggunaan kalimah 'Allah' oleh orang Kristian, yang membawa kepada penubuhan Parti Amanah Negara.

Oleh itu, hubungan bahasa Melayu dan Islam sebagai identiti utama kelompok majoriti di Malaysia ialah hubungan yang sensitif dan tidak boleh dipertikaikan oleh kelompok minoriti. Dengan menganalisis isu azan, ibadat korban, hudud dan ceramah Zakir Naik di Malaysia, kajian Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Nor Fariza Mohd Nor (2018) merumuskan bahawa faktor di sebalik ketegangan hubungan antara agama di Malaysia sepanjang 2013-2016 adalah disebabkan oleh peranan media, fahaman ekstrem pihak terlibat, sejarah hitam hubungan antara agama, ketidakfahaman dan kekurangan pendidikan tentang toleransi agama, serta sikap prejudis terhadap identiti agama lain.

KEDUDUKAN BAHASA ARAB DARI SUDUT SOSIOLOGI BAHASA DAN SOSIOLOGI AGAMA DI MALAYSIA

Dari sudut sosiologi bahasa, perancangan bahasa di Malaysia ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Dasar Bahasa Kebangsaan. Dasar ini meletakkan bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dalam sistem pendidikan formal, misalnya pada peringkat menengah dan pengajian tinggi, bahasa Arab dipelajari sebagai

bahasa ketiga atau bahasa asing. Sekolah-sekolah menengah agama milik kerajaan dan bukan kerajaan juga menawarkan kursus berkaitan bahasa Arab dalam kurikulum persekolahan masing-masing.

Status asing pada sesuatu bahasa merujuk sifat kemunculan dan perkembangannya dalam sesebuah masyarakat, iaitu bahasa yang mendatang dari kawasan induknya. Lama kelamaan, sifat asing tersebut tidak lagi dirasakan, khususnya apabila bahasa asing tersebut menjadi penyumbang penting dalam pembinaan korpus bahasa tempatan. Dalam konteks ini, Nik Safiah Karim (2010) menegaskan bahawa bahasa Arab merupakan salah satu bahasa penting yang menyumbang kepada pengayaan bahasa Melayu melalui peminjaman kosa kata.

Oleh sebab itu, Asmah Haji Omar (1990: 28) mencadangkan status yang sesuai untuk bahasa Arab di Malaysia ialah bahasa sekunder dan bukannya bahasa asing. Hal ini demikian kerana bahasa Arab mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan bahasa Melayu dan pembentukan identiti masyarakat Islam di Malaysia. Buktinya, bahasa Arab digunakan secara konsisten oleh masyarakat Islam dalam ibadat harian mereka, seperti azan, solat, wirid, zikir dan bacaan al-Quran.

Walau bagaimanapun, status bahasa sekunder yang dicadangkan oleh Asmah Haji Omar (1990) tidak mendapat respons dalam kalangan ahli linguistik tempatan. Ada kemungkinan pandangan seperti itu tidak pernah dibicarakan dalam lingkungan pemikiran linguistik Barat yang menjadi kerangka utama perkembangan linguistik moden kontemporari. Kalangan yang menolak pandangan ini menghujahkan bahawa ciri sekunder tersebut tidak boleh dijadikan sandaran dalam pengkategorian status bahasa di Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada gelombang dan pengisian islamisasi termasuk gagasan Islamisasi Ilmu (Wan Mohd Nor, 2013) pada awal 1980-an dan penghujung 1990-an, bahasa Arab telah dijadikan bahasa pengantar sebahagian besar program-program pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan insituti pengajian tinggi swasta (IPTS) berteraskan Islam, seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ini bermakna, bahasa Arab menjadi bahasa pengantar kepada program-program bersifat Islam atau berteraskan Islam. Misalnya, dalam lawan sesawang Pusat Pengajian Siswazah Universiti Sains Islam Malaysia (2021), terdapat kenyataan yang membenarkan penulisan tesis program kedoktoran bidang dakwah dan pengurusan Islam dan beberapa bidang lain menggunakan bahasa Arab.

Bagi IPTA yang bukan berteraskan Islam pula, antara tahun 2000 hingga 2020, bahasa Arab dibenarkan sebagai bahasa penulisan tesis atau disertasi dalam program-program pengajian Islam dan bahasa Arab pada peringkat

pascasiswazah. Antara IPTA yang dimaksudkan ialah Universiti Teknologi MARA (Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis Pascasiswazah, 2012), Universiti Pendidikan Sultan Idris (Bernama, 2019), Universiti Malaya (Panduan Penulisan Ilmiah Edisi Keempat, 2020) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi Edisi Semakan, 2022). Namun begitu, berdasarkan sejarah penawaran program-program berkenaan, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia lebih awal berbuat demikian berbanding IPTA lain.

Dalam konteks perancangan bahasa, penggunaan bahasa Arab sama ada sebagai bahasa pengantar mahupun bahasa penulisan tertakluk kepada dasar dan peraturan serta kebenaran punca kuasa. Sepanjang 1981-2022, terdapat dua peringkat penting yang menyaksikan penggunaan bahasa Arab di institusi pengajian tinggi (IPT). Pada peringkat pertama, penggunaan tersebut mendapat kebenaran khas dari pihak kerajaan, dan pada peringkat kedua pula melibatkan autonomi serta kebenaran senat universiti. Justifikasi kebenaran diberikan adalah untuk menjadikan Malaysia hub pendidikan tinggi untuk manfaat komersial, iaitu menjana pendapatan IPT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015) tanpa mengetepikan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Rentetan daripada kebenaran tersebut, penggunaan bahasa Arab sebagai pengantar di IPT telah membuka dimensi baharu pendidikan tinggi di Malaysia. Penggunaan tersebut menjadi tarikan kepada para pelajar khususnya dari negara Timur Tengah untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian tinggi mereka. Dalam Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023-2030 pada 15 Jun 2023, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Mohamed Khaled Nordin memuji komitmen dan usaha UIAM sebagai sebuah IPT antarabangsa beroperasi menggunakan bahasa Arab dan pada masa yang sama memartabatkan bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023).

Di sebalik trend penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa penulisan tesis atau disertasi peringkat pascasiswazah tersebut, terdapat dilema yang perlu dilalui oleh beberapa IPT yang terperangkap dalam isu bahasa Arab. Isu yang dimaksudkan adalah sama dengan isu bahasa Inggeris (Asyraf et al., 2022), iaitu sama ada menjaga kualiti atau mengejar kepentingan komersial untuk menjana pendapatan universiti. Dilema ini berasaskan andaian IPT menawarkan tempat kepada pelajar khususnya dari negara Timur Tengah menulis tesis dalam bahasa Arab dalam bidang bukan pengajian Islam dan bahasa Arab, dalam keadaan kemampuan ahli akademik di IPT berkenaan menyelia dan memeriksa tesis dalam bahasa Arab sangat terbatas. Tawaran penulisan tesis dalam bahasa Arab ini berkemungkinan dikeluarkan susulan terdapat permintaan, terutama yang melibatkan penawaran berpakej melalui memorandum persefahaman tertentu,

yang membawa keuntungan dari segi penjanaaan kewangan kepada IPT berkenaan.

Walau bagaimanapun, pada amnya, bahasa Arab menjadi identiti intelektual dan pembudayaan ilmu Islam dalam masyarakat Islam di Malaysia. Identiti tersebut memperlihatkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia memberikan tempat yang istimewa kepada bahasa kitab suci al-Quran ini dengan tujuan supaya kandungannya dapat dipelajari dan diselidiki secara intelektual (Azhar, 2014).

Dalam kurikulum pendidikan kebangsaan, bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran dalam pakej kelas aliran agama. Aliran ini ditawarkan di sekolah-sekolah milik kerajaan, iaitu sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah agama bantuan kerajaan (Norfaezah et al., 2023). Di sekolah-sekolah agama milik persendirian atau swasta, bahasa Arab ditawarkan dalam pakej yang lebih komprehensif, seperti jumlah jam yang lebih banyak berbanding sekolah milik kerajaan.

Tulisan Jawi merupakan contoh bahawa identiti intelektual di Malaysia mempunyai susur galur yang sangat erat dengan bahasa Arab. Tidak sekadar identiti bahasa Melayu melalui aksara Arab, tulisan Jawi juga merupakan identiti bangsa Malaysia dalam bentuk medium tulisan, seni dan warisan. Oleh sebab itu, dalam usaha mengukuhkan integrasi nasional dan jatidiri bangsa, tulisan Jawi telah diperkenalkan di sekolah-sekolah kebangsaan supaya dipelajari oleh semua pelajar tanpa mengira agama dan etnik (Siti, Roziah & Izziah, 2021).

Identiti tersebut juga mencerminkan bahawa dengan bahasa Arab sebagai medium, masyarakat Islam di Malaysia terlibat dengan pembudayaan ilmu Islam secara langsung atau sebaliknya. Bahasa Arab diberikan ruang untuk dipelajari dan sekaligus menjadi medium pembelajaran, termasuk bahasa Arab komunikasi serta ilmu-ilmu yang bersumberkan karya-karya dalam bahasa Arab, khususnya karya warisan.

Dalam hal ini, terdapat beberapa contoh yang boleh dikemukakan, seperti pakej-pakej pengajaran dan pembelajaran sendiri bahasa Arab yang dihasilkan dengan penuh kreatif, termasuk program realiti di televisyen yang menonjolkan imej Islam, yang bertujuan memahami bahasa Arab dan sekaligus memahami Islam. Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa agama mutakhir ini diperkukuhkan pula oleh perkembangan pantas teknologi, seperti internet, peranti mudah alih dan media sosial (Bernama, 2017).

Sejak awal ketibaan Islam, islamisasi sebagai satu proses telah meletakkan bahasa Arab di Malaysia di tempat yang mulia, unik dan istimewa. Perintah keagamaan, seperti kewajipan bersolat yang memerlukan kebolehpayaan

membaca al-Quran dengan baik menjadi salah satu sebab bahasa Arab dipelajari oleh masyarakat Islam di Malaysia.

Pelbagai program dan gerakan dakwah dijalankan oleh individu dan organisasi swasta dan kerajaan. Respons yang sangat menggalakkan dari masyarakat Islam untuk mempelajari dan memahami al-Quran telah mempercepatkan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab melalui pelbagai kaedah dan penjenamaan, seperti “Belajar Bahasa Arab Melalui al-Quran” (Lubna, Arnida & Wan Azura, 2008) dan sebagainya.

Perkembangan ini meletakkan bahasa Arab pada kedudukan yang berbeza dengan bahasa-bahasa asing lain di Malaysia. Hal ini demikian kerana bahasa Jepun, Korea, Perancis, Sepanyol dan sebagainya daripada kelompok bahasa Asia dan Eropah yang semuanya dikategorikan sebagai bahasa asing, tidak dipacu oleh ranah agama seperti bahasa Arab.

Justeru, perkembangan ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan identiti beragama masyarakat Islam di Malaysia. Dengan kata lain, identiti ini mempamerkan bahawa melalui penggunaan bahasa Arab, mereka membina kepercayaan yang utuh terhadap konsep dan prinsip asas Islam khususnya yang diungkapkan secara langsung oleh bahasa al-Quran dan hadis.

Larangan penggunaan kalimah ‘Allah’ dan beberapa perkataan lain berkaitan ibadat khusus yang berasal daripada bahasa Arab oleh masyarakat bukan Islam misalnya merupakan contoh klasik sejak sekian lama bahawa masyarakat Islam di Malaysia amat memelihara kesucian kepercayaan dalam agama mereka. Faktor utama yang mendorong larangan penggunaan kalimah ini khasnya dan penolakan terhadap toleransi beragama ialah sikap prejudis masyarakat Islam terhadap masyarakat bukan Islam (Jaffary, 2003; Khadijah, 2008; Chandra, 2010; Munif, 2023), khususnya Kristian, yang dikhuatiri berupaya menukar kepercayaan masyarakat Islam.

Penggunaan peruntukan undang-undang Islam oleh hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia dalam menguatkuasakan larangan berkenaan membuktikan bahawa identiti ini sifatnya ‘atas ke bawah’, yakni melibatkan peranan kerajaan yang memiliki autoriti agama dengan tujuan memelihara kesucian Islam. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan menegaskan bahawa kalimah Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama lain (Bernama, 2021).

Identiti ini juga menunjukkan tahap pegangan agama mereka yang kuat, yang ditandai oleh kepatuhan dan ketekalan mereka melaksanakan ibadat Islam,

khususnya ibadat harian. Kehadiran beramai-ramai penduduk sesuatu kawasan ke masjid dan surau untuk menunaikan solat berjemaah boleh dikatakan satu norma yang menjadi kayu ukur tahap pegangan agama yang dimaksudkan tadi. Selain itu, bilangan masjid yang dibina bagi setiap penempatan masyarakat Islam mengikut nisbah yang sepatutnya juga memainkan peranan penting dalam menjelaskan identiti ini. Begitu juga dengan penyediaan garis panduan perancangan pembinaan masjid dan surau oleh pihak berkuasa tempatan (Nurul Faedah & Zuliza, 2020) dan garis panduan pengurusan masjid oleh jabatan agama negeri membuktikan peri pentingnya agama dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia.

Namun begitu, tahap pegangan agama yang kuat, misalnya atas nama fundamentalisme bukan bererti berlakunya perubahan besar dan benar dari aspek pemikiran, mentaliti dan sikap masyarakat Islam (Fakhry, 1997; Deneulin & Bano, 2009) sepanjang lebih empat dekad dari 1981 hingga 2022. Jika isu rasuah, dadah, pelanggaran integriti dan krisis moral kepimpinan dijadikan ukuran, masih terdapat lompang besar dari segi sifat dan ciri masyarakat Islam di Malaysia mutakhir ini dalam mengatasi isu-isu berkenaan secara responsif (M. Kamal, 2021).

Islam yang dianggap dianuti dengan pegangan yang kuat sehingga membentuk identiti yang kononnya “boleh dibanggakan” tidak membawa masyarakat Islam Malaysia menjadi model terbaik dalam kalangan negara Islam lain. Dengan kata lain, identiti Islam tidak berfungsi sebagai pemacu pembangunan dan kesejahteraan secara holistik, seperti dalam penghasilan produk dan inovasi sains, teknologi, perubatan dan pertanian serta indeks keharmonian sosial dan penurunan kadar jenayah. Sebaliknya, identiti Islam hanya memaparkan kerancakan dan kemeriahan aktiviti ibadat yang bersifat pembangunan spiritual, dan tidak menjangkau pembangunan material, intelektual, dan emosi.

Justeru, perpecahan masyarakat Islam dengan penubuhan parti baharu serta blok baharu di gelanggang politik pasca-Pilihan Raya Umum 2018 sehingga sekarang (Ilyas, 2021) misalnya memerlukan penelitian semula yang mendalam tentang identiti di sebalik nama Islam yang divedok daripada bahasa Arab, termasuk perkataan Islam itu sendiri. Contohnya, jenama Islam, amanah dan adil pada parti politik hanya memaparkan persaingan menonjolkan identiti agama dan merebut sokongan khalayak yang mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat. Terdapat beberapa persoalan penting tentang perpecahan tersebut, seperti sejauh mana keberkesanan agenda pembangunan Islam negara (Norshahril, 2016; Wafdi, 2019) dari 1981 hingga 2022 yang sepatutnya menyatupadukan dan bukannya memecahbelahkan masyarakat. Merujuk tindakan bekas PM Mahathir Mohamed mengasaskan penubuhan Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) pada Ogos 2020

selepas keluar daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), ahli politik veteran Rais Yatim (Bernama, 2020) menegaskan:

"Bagi saya menubuhkan satu lagi parti Melayu sudah tidak ada alasan, sebab kita mahu mencari perpaduan...jika tidak hak kita di bawah Perlembagaan akan lumat. Kita hormat beliau tentang inovatif tetapi dalam hal ini rasanya tidak."

FUNGSI BAHASA ARAB DALAM PEMBENTUKAN KEFAHAMAN ISLAM DAN IDENTITI MASYARAKAT MELAYU-ISLAM DI MALAYSIA

Islamisasi sebagai satu gerakan berorganisasi, gagasan pemikiran dan agenda negara (Norhashimah, 1994) telah banyak membantu membumikan bahasa Arab di Malaysia. Dengan itu, bahasa Arab mempunyai fungsi penting dalam pembentukan kefahaman, praktis dan identiti masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Simbiotisme timbal balik ini memperlihatkan pola yang positif pada pandangan masyarakat Islam.

Dalam pembentukan kefahaman Islam masyarakat Melayu-Islam, penguasaan bahasa Arab diperlukan atas sifatnya sebagai bahasa sumber. Untuk memahami Islam, bahasa Arab diperlukan melebihi keperluan terhadap bahasa Melayu. Misalnya, berdoa dalam bahasa Arab dianggap lebih hampir dengan Tuhan berbanding dengan doa bahasa Melayu. Berkenaan perkara ini, Munsyi Abdullah (1974: 38) pernah menegaskan:

"...Dan patut belajar bahasa Arab, kerana ianya berguna kepada agama dan lagi dalam akhirat."

Dalam pembentukan identiti masyarakat Melayu-Islam, individu-individu yang mempunyai kebolehan berbahasa Arab dihormati dan pandangan mereka mengenai Islam diterima. Kealiman, kewarakan dan kebaikan seseorang Muslim antara lain ditentukan oleh keupayaan berbahasa Arab serta menterjemahkan ayat al-Quran dan hadis ke bahasa Melayu. Nama-nama berunsur Arab turut menjadi pilihan berbanding nama-nama klasik bahasa Melayu dalam penamaan anak serta penjenamaan organisasi dan syarikat perniagaan yang mempunyai kaitan dengan Islam (Munif, 2015a).

Dalam politik dan pentadbiran negara, penonjolan bahasa Arab sebagai satu identiti dizahirkan melalui agenda, konsep, gagasan dan dasar Islam dalam kepimpinan empat daripada lapan PM Malaysia sepanjang 1981 hingga

penghujung 2022. Agenda berkenaan mengandungi perkataan Arab yang diinterpretasikan mengikut idea dan gaya kepimpinan setiap PM berikut:

1. *Islam Hadhari* (PM kelima Abdullah Ahmad Badawi [31 Oktober 2003–3 April 2009]). Agenda yang diperkenalkan pada 2004 ini secara literal bermaksud Islam yang mentamadunkan, yakni yang memacu kemajuan dan pembangunan dunia dan akhirat berakarkan budaya sendiri (Khadijah, 2004). Agenda ini mempromosikan Islam progresif, demokratik dan toleran (Muhamad, 2016).
2. *Wasatiyyah* (PM keenam Najib Razak [3 April 2009–9 Mei 2018]). Istilah ini diterjemahkan sebagai kesederhanaan atau keseimbangan, kecemerlangan dan keadilan, bergantung kepada konteks penggunaannya. Konsep wasatiyyah yang diperkenalkan pada 2010 bertujuan merealisasikan ajaran Islam yang lebih komprehensif dan syumul yang mengimbangi pelbagai tuntutan, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh yang maju dan berimbang dalam segenap bidang (Mohd Najib, 2010).
3. *Rahmatan lil 'Alamin* (PM ketujuh Mahathir Mohamad [10 Mei 2018–24 Februari 2020]). Gagasan ini disesuaikan daripada ayat al-Quran (surah al-Anbiya' 21: 107) yang bererti rahmat kepada seluruh alam. Gagasan ini menjadi dasar baharu dan merupakan usaha kerajaan Pakatan Harapan pada ketika itu untuk membentuk masa depan Malaysia seiring dengan penjenamaan “Malaysia Baharu” (Nur Izzati & Sheeza, 2020).
4. *Manhaj Rabbani* (PM kelapan Muhyiddin Yassin [1 Mac 2020–20 Ogos 2021]). Dasar ini bermaksud kaedah ketuhanan, iaitu yang dasar yang berpaksikan nilai ketuhanan. Dasar ini merupakan dasar pentadbiran kerajaan untuk menjadikan Islam sebagai paksi dalam kehidupan harian ummah (Zakaria, 2021).

Tiada data berkaitan perkataan Arab yang dapat diteliti untuk menilai kepimpinan PM ketiga Husein Onn (15 Julai 1976-16 Julai 1981). PM keempat Mahathir Mohamad (16 Julai 1981 - 30 Oktober 2003) tidak menonjolkan perkataan Arab dalam agenda dan pendekatan Islam ketika parti komponen Barisan Nasional yang beliau ketua ketika itu menguasai kerajaan sepenuhnya. Sebaliknya, beliau selesa menggunakan bahasa Melayu dengan memperkenalkan *Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran* pada 1985.

Hal ini berbeza semasa Mahathir Mohamad menjadi PM buat kali kedua (sebagai PM ketujuh) pada 2018 apabila beliau memperkenalkan pendekatan *Rahmatan lil 'Alamin* seperti yang dibincangkan sebelum ini. Pengenalan pendekatan dalam bahasa Arab ini berkemungkinan disebabkan oleh perkongsian kuasa antara

beberapa parti dalam Pakatan Harapan dalam kabinet yang beliau terajui pada 2018. Menteri bagi hal ehwal Islam yang bertanggungjawab memperkenalkan pendekatan tersebut ialah Mujahid Yusof daripada Parti Amanah Negara, iaitu parti yang sejak daripada awal penubuhannya pada 2015 meletakkan perkataan 'Rahmah' (Rahmat) sebagai sebahagian daripada visinya.

PM kesembilan Ismail Sabri Yaakob (21 Ogos 2021–24 November 2022) pula memimpin sebuah kabinet berlatarbelakangkan pelbagai blok parti dan ideologi, iaitu Barisan Nasional, Perikatan Nasional dan lain-lain. Kepelbagaian latar belakang kabinet beliau adalah disebabkan oleh keadaan politik yang tidak stabil dan ketiadaan parti yang dominan dalam kabinet. Selain itu, beliau memberikan banyak tumpuan kepada penyelesaian kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi, sosial dan pendidikan. Oleh sebab keutamaan beliau adalah kepada perkara asas, iaitu kestabilan politik dan kesihatan awam, maka tiada slogan atau pendekatan Islam baharu yang beliau perkenalkan. Walau bagaimanapun, beliau sempat memperkenalkan konsep 'Keluarga Malaysia' yang akan disentuh nanti.

PM kesepuluh Anwar Ibrahim (24 November 2022-sekarang) memimpin sebuah kerajaan campuran atas nama kerajaan perpaduan. Sama seperti PM sebelumnya, Anwar Ibrahim berdepan dengan cabaran memastikan kerajaan pimpinannya dapat berfungsi dengan baik dan cekap lebih-lebih lagi dalam menyelesaikan pelbagai isu berkaitan kenaikan kos sara hidup kesan daripada pandemik COVID-19 dan Perang Rusia-Ukraine serta isu tata kelola yang baik dan integriti yang diteladani di sebalik pembongkaran skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Namun begitu, latar belakang Anwar yang pernah memimpin gerakan Islam, iaitu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) serta kecenderungan beliau kepada isu bahasa, pemikiran, falsafah dan budaya Islam berkemungkinan besar mendorong beliau memperkenalkan perkataan Arab yang baharu atau menyegarkan kembali perkataan Arab yang pernah beliau gunakan sekitar 1970-an sehingga 1998, iaitu semasa memimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan semasa menjadi timbalan menteri, menteri dan timbalan PM, seperti syumul, iltizam dan madani. Hal ini diperlihatkan melalui kata taklif (pertanggungjawaban) dan *tasyrif* (keistimewaan) yang beliau ungkapkan pada hari kedua sidang pertama Parlimen ke-15 pada 20 Disember 2022. Selepas itu, pada 19 Januari 2023, Anwar melancarkan konsep Malaysia MADANI dengan misi mengubah Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan maju berteraskan enam nilai melalui kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat, dasar ketelusan dan kerjasama. Enam nilai yang dimaksudkan ialah M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan) (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2023).

Begitu juga dengan platform kewangan dan perbankan Islam yang memperkenalkan produk-produk Islam berunsurkan Arab. Mulai dekad 1980-an

sehingga sekarang, istilah-istilah perniagaan Islam, seperti sukuk, mudharabah, muwakalah, tabarru' dan sebagainya telah meresap masuk ke dalam istilah bahasa Melayu dengan meluas. Sebab utama peresapan ini ialah ketiadaan padanan istilah berkenaan dalam bahasa Melayu. Lama-kelamaan, istilah-istilah berkenaan diterima sebagai istilah bahasa Melayu melalui kaedah kata pinjaman. Salah satu faktor pragmatik penggantian kata Melayu sedia ada dengan kata Arab ialah perspesi bahawa bahasa Arab ialah bahasa kalam Allah, yakni merujuk bahasa al-Quran. Oleh itu, penggunaan bahasa Arab dianggap memiliki motivasi agama dan konteks yang lebih afdal dalam menghubungkan wacana penggunaannya dengan Tuhan (Munif, 2015b). Namun demikian, tanpa penggunaan bahasa Arab, tidak bermakna wacana berkenaan tidak dihubungkan dengan Tuhan kerana Tuhan sendiri yang menciptakan kepelbagaian bahasa manusia. Hal ini ditegaskan dalam firman-Nya:

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.”

(Surah al-Rum 30: 22)

Selanjutnya ialah apakah fungsi bahasa Arab yang diperlukan dalam pengukuhan identiti dan proses sosial masyarakat Malaysia? Analogi yang sama turut berlaku pada bahasa Inggeris, iaitu fungsi bahasa Inggeris yang diperlukan di Malaysia. Persamaannya ialah kedua-dua bahasa berkenaan bukan berfungsi seperti bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi. Perbezaan pula adalah tentang skala penggunaan dan bilangan pengguna kedua-dua bahasa. Fungsi penggunaan bahasa Inggeris lebih meluas dan bilangan penggunaannya jauh lebih ramai berbanding dengan bahasa Arab

Oleh yang demikian, fungsi bahasa Arab yang diperlukan dalam pengukuhan identiti dan proses sosial masyarakat Malaysia ialah yang tidak menimbulkan kekeliruan dan kekhilafan kepada identiti kemelayuan dan keislaman masyarakat Malaysia. Acuan berteraskan identiti dan budaya Malaysia perlu dikekalkan dan diperkukuhkan (Hassan, 2009). Meskipun bersandarkan ranah Islam sebagai agama persekutuan, tetapi bahasa Arab hanya perlu mengambil tempat sebagai pengukuh kepada identiti dan budaya berkenaan.

Bahasa Arab tidak boleh diberikan fungsi yang menyebabkan identiti dan budaya Malaysia menjadi kabur. Umpamanya, bahasa Arab tidak boleh dibiarkan merubah bahasa Melayu menjadi bahasa Melayu telor Arab seperti yang disindir oleh P. Ramlee dalam filem Ahmad Albab dan Tiga Abdul (Munif, 2015a).

Sehubungan dengan itu, di Malaysia tidak semua yang beridentitikan Arab, termasuk bahasa Arab sentiasa relevan pada setiap masa dan suasana serta selama-lamanya perlu digandingkan dengan Islam. Hal ini demikian kerana islamisasi telah menerima respons negatif bukan hanya dalam kalangan bukan Islam (Lee, 2010; Albury, 2019; Welsh, 2020), tetapi juga dalam kalangan masyarakat Islam (Azhar, 2014; Welsh, 2020). Islamisasi termasuk melalui bahasa Arab telah menimbulkan kekeliruan tidak hanya kepada kalangan bukan Islam tetapi juga kepada masyarakat Islam.

Bagi masyarakat bukan Islam, penggunaan perkataan Arab yang meluas menimbulkan ketakutan dan tanda tanya. Misalnya, agenda pelaksanaan hudud ialah Islamofobia yang ditolak oleh kelompok yang khawatir akan berlaku ketidakadilan dari segi pelaksanaannya. Begitu juga dengan kata 'jihad' yang telah disempitkan makna kepada penentangan fizikal terhadap bukan Islam. Justeru, islamisasi melalui arabisasi perlu dilawati semula supaya impaknya membawa keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat pelbagai agama dan kaum.

Bagi masyarakat Islam pula, arabisasi yang keterlaluan telah merubah identiti bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Contohnya ialah penggunaan kata Arab bagi menggantikan kata Melayu yang sudah sekian lama sebatu dalam masyarakat Melayu, seperti "tasamuh" menggantikan "tolak ansur" (Berita Harian, 2022), "qawwam" yang bermaksud "pemeriksaan" (Bernama, 2022), "tarbiah" menggantikan "pendidikan", "Sanah Helwah" menggantikan "Selamat Hari Jadi", "terima kasih" ditukarkan kepada "jazakallah", "mahrajan" menggantikan "festival", "musa'adah" menggantikan "bantuan" dan sebagainya. Apakah tujuan penonjolan kata Arab berkenaan?

Begitu juga dengan trend pemakaian jubah bagi lelaki dan wanita menggantikan baju Melayu dan baju kurung, bersandarkan hujah bahawa jubah ialah pakaian sunah. Jika itu dianggap sebagai satu cara meningkatkan tahap keislaman, maka tegasnya terdapat kekeliruan identiti antara Islam dengan Arab dalam kalangan mereka yang mengusul dan menyokong penonjolan dan pemakaian tersebut. Hal ini demikian kerana tidak semua yang bercirikan Islam itu Arab, dan tidak semua yang bercirikan Arab itu Islam.

Selain itu, arabisasi menyumbang kepada fenomena bahasa Melayu rojak akibat penggunaannya yang dicampuradukkan dengan perkataan Arab. Fenomena ini berlakunya kerana wujud anggapan bahawa pembauran bahasa Melayu dan Arab dapat mengangkat martabat Islam (Muhammad Syukri, 2016). Dengan kata lain, semakin banyak unsur Arab yang diselitkan dalam penggunaan bahasa Melayu, maka semakin tinggi unsur keislaman yang dapat ditonjolkan dan semakin suci juga penggunaan bahasa tersebut.

Hakikatnya, martabat Islam tidak hanya terletak pada bahasa Arab yang digunakan. Fakhry (1997: 169) memerihalkan hal ini sebagai verbalisme, iaitu penyakit yang melanda pemikiran masyarakat Arab bersandarkan pandangan Zaki Najib Mahmud berikut:

"Zaki Najib Mahmud...has argued that the chief ills afflicting Arabic thought have been verbalism, or the cult of language, on the one hand, and traditionalism, or the unquestioning adherence to outworn ideas or values, on the other..."

Verbalisme merujuk penggunaan bahasa dengan tumpuan kepada bentuk pengungkapan berbanding kandungannya. Kepercayaan bahawa bentuk pengungkapan lebih penting berbanding kandungan telah ditanam dalam pemikiran masyarakat. Dalam konteks ini, pengungkapan bahasa ditandai dengan jelas oleh elemen luaran pengkultusan bahasa. Bentuk pengungkapan bahasa menjadi inti pati ajaran dan dipastikan supaya betul dan tepat dari segi bacaan dan hafazan. Masalah ini menyebabkan kepentingan elemen dalaman, iaitu kandungan bahasa diabaikan dan bukan menjadi keutamaan (Munif, 2023).

Martabat Islam juga terletak pada berbagai-bagai pencapaian lain, seperti tahap integriti yang tinggi, tadbir urus yang baik dan cekap serta sumbangan besar sains dan teknologi terhadap pembangunan dan kesejahteraan sejagat (Foyasal & Mohamed, 2022). Kehebatan Islam juga tidak sekadar diukur pada elemen seni dan metafizik semata-mata, tetapi juga pada elemen etika dan material (Mansoureh & Kamaruzaman, 2017).

Lebih mengelirukan lagi ialah persaingan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu yang menggunakan bahasa Arab tersebut, khususnya lepasan Timur Tengah, seperti Mesir, Maghribi, Jordan dan Arab Saudi, yang mendakwa berpegang dengan aliran pemikiran Islam yang paling muktabar, baik Sunni mahupun Salafi. Mereka bersaing untuk menonjolkan diri tentang interpretasi yang paling tepat dan makna yang paling sah tentang asas-asas Islam di Malaysia menurut pandangan masing-masing (Ahmad Fauzi & Che Hamdan, 2015; Ahmad Fauzi, 2018) sekaligus paling alim akan segala selok belok Islam. Kelompok yang mendakwa interpretasi teks bahasa Arab mereka lebih tepat secara tersirat mempertikaikan tahap bahasa Arab pesaingnya daripada kelompok yang berbeza. Persaingan yang pada awalnya diakibatkan oleh perbezaan interpretasi teologi menjadi semakin sengit apabila persaingan ketepatan dan keabsahan interpretasi makna daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu diheret sama. Persaingan interpretasi teks bahasa Arab dalam kalangan mereka tidak boleh dianggap membawa perubahan kepada dialektik teologi Islam di Malaysia yang sekian

lama berlatarbelakangkan perbezaan aliran pemikiran antara Sunni dengan Salafi, meskipun pada ketika tertentu Salafi dianggap sebahagian daripada Sunni.

Pada masa yang sama, proses islamisasi pada dekad-dekad tersebut dipercepatkan oleh perkembangan pantas teknologi, seperti internet, peranti mudah alih dan media sosial. Istilah-istilah Arab yang diserap masuk ke dalam wacana Islam tersebar dengan luas dan pantas. Walau bagaimanapun, kadang kala, terdapat maklumat palsu atas nama Islam yang disebarkan sehingga memerlukan proses pengesahan (tabayyun) maklumat dilakukan oleh pihak yang berkaitan.

Justeru, hal ini membawa kepada wajah agama yang diperlukan sebagai pegangan hidup dan identiti masyarakat Malaysia. Sebagai agama terbesar dalam sebuah masyarakat majmuk, wajah Islam di Malaysia perlu diperlihatkan sebagai agama yang menerima kepelbagaian dan keterangkuman. Penerimaan tersebut bermakna Islam membangunkan dan memajukan pemikiran dan tindakan masyarakat Malaysia secara progresif. Halangan-halangan seperti taasub dan prejudis mestilah ditangani dengan harmoni melalui pendidikan, sosialisasi dan integrasi dalam kalangan masyarakat majmuk tersebut.

Satu hal yang menarik pada era PM kesembilan Ismail Sabri Yaakob (21 Ogos 2021–24 November 2022) ialah ketiadaan slogan Islam yang dcedok daripada bahasa Arab. Hal ini membezakan era kepimpinan beliau dengan kepimpinan PM terdahulu seperti yang dibincangkan sebelum ini. Ismail Sabri memperkenalkan konsep ‘Keluarga Malaysia’ dalam ucapan sulung beliau sebagai PM pada 22 Ogos 2021. Konsep ini meskipun tidak disalut oleh istilah Arab, tetapi mengandungi nilai yang dituntut oleh Islam, seperti keterangkuman, kebersamaan, kesyukuran, integriti, amanah, keadilan, berrsatu padu, harmoni, kasih sayang dan hormat menghormati. Konsep ini merupakan kesimbangan gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Najib Razak pada 2009.

Seperti yang disarankan oleh Ibn Khaldun (t.t.), domain politik memainkan peranan penting dalam mencorakkan rupa pembangunan masyarakat, termasuk agama dan bahasa. Domain politik bukan bermaksud ideologi parti politik dan perjuangan ahli politik semata-mata, tetapi juga dasar-dasar yang dirangka oleh pihak kerajaan untuk dilaksanakan oleh kakitangan awam, badan-badan bukan kerajaan, persatuan dan juga individu.

Matlamat terunggul identiti masyarakat Melayu-Islam di Malaysia adalah mewujudkan masyarakat yang baik dalam segala segi, yang mendapat rahmat Tuhan. Identiti ini menepati ciri-ciri negara yang baik yang disebut “baldatun tayyibatun” dalam al-Quran.

PENUTUP

Pengalaman Malaysia menyaksikan bahawa sepanjang empat dekad lalu, kedudukan bahasa Arab dari sudut linguistik dan agama semakin kukuh. Dari sudut linguistik, kedudukan istimewa bahasa Arab meletakkan bahasa ini dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah, seperti Kurikulum Bersepadu Dini yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama termasuk sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat, serta dalam pakej kelas aliran agama di sekolah menengah kebangsaan. Dari sudut agama pula, hubungan bahasa Arab dan Islam telah menjadikan bahasa ini sebagai salah satu pembentuk identiti Islam di Malaysia. Penamaan dasar atau program serta pelancaran produk berjenama kata Arab dianggap islamik dan memenuhi maksud islamisasi. Di samping itu, peruntukan undang-undang sedia ada bukan sahaja mewajarkan bahkan mempertahankan penggunaan bahasa Arab, khususnya apabila bahasa Arab diasosiasikan dengan Islam sebagai agama persekutuan, sebagaimana yang tercatat dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, dari segi fungsi dalam pembentukan kefahaman dan identiti, terdapat pasang surut yang dilalui oleh bahasa Arab, terutamanya respons yang ekstrem dan fanatik (taasub) terhadap islamisasi dalam kalangan beberapa kelompok masyarakat Melayu-Islam tradisionalis-fundamentalis sehingga mencetuskan fenomena sosial bentuk baharu. Fenomena ini merujuk penggunaan istilah Arab secara wewenang dalam pengungkapan berunsur agama sedangkan terdapat padanan istilah bahasa Melayu sedia ada yang sudah mantap. Dalam konteks ini, penilaian berterusan perlu dilakukan untuk mengukur fungsi berkenaan sama ada bahasa Arab berfungsi mengikut skop dan batasannya dalam pembentukan identiti masyarakat Islam di Malaysia, atau istilah bahasa Arab yang digunakan dalam pembentukan kefahaman masyarakat Islam di Malaysia benar-benar diperlukan atas alasan islamik meskipun terdapat ungkapan yang sepadan dan mantap dalam bahasa Melayu.

Untuk dekad sekarang dan akan datang, satu hala tuju yang jelas dan model linguistik yang berkesan diperlukan untuk memastikan bahasa Arab berfungsi sebagai alat pembentukan kefahaman dan identiti Islam, yang mengukuhkan pula kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia. Ahli linguistik yang mempunyai kepakaran dalam sosiologi bahasa dan agama serta pihak berkuasa agama perlu dilibatkan bersama pada peringkat ini.

Justeru, strategi dalam hala tuju dan model linguistik yang dimaksudkan itu perlulah dilaksanakan dengan penuh hikmah supaya dapat diterima terutamanya oleh masyarakat Islam yang berfahaman liberal dan masyarakat bukan Islam yang dibelenggu oleh Islamofobia. Cabaran besar yang menanti pada dekad-dekad mendatang ialah bagaimanakah hala tuju dan model linguistik tersebut

dapat diterima dengan hati yang terbuka oleh kedua-dua kelompok berkenaan serta dapat dilaksanakan dengan jaya.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2001. The culture and practice of pluralism in post-colonial Malaysia. Dalam *The politics of multiculturalism: Pluralism and citizenship in Malaysia, Singapore, and Indonesia*, R. W. Hefner (Ed.), 59–87. Honolulu: University of Hawai'i.
- Aemy Elyani Mat Zain, Jaffary Awang and Idris Zakaria. 2014. Inter-religious dialogue: The perspective of Malaysian contemporary Muslim thinkers. *International Journal of Islamic Thought*, 5: 1-9.
- Ahmad F. Yousif. 2011. *Religious freedom, minorities and Islam: An inquiry into the Malaysian experience*. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2018. Shifting trends of islamism and islamist practices in Malaysia, 1957–2017. *Southeast Asian Studies, Special Issue 7(3)*: 363–390. DOI (https://doi.org/10.20495/seas.7.3_363)
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid and Che Hamdan Che Mohd. Razali. 2015. The changing face of political Islam in Malaysia in the era of Najib Razak, 2009–2013. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 30(2): 301–337.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1972. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001. *Risalah untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Albury, N. J. 2019. Between public perception and government intent in national language policy. *Current Issues in Language Planning*, 20(2): 160-168.
- Asmah Haji Omar. 1990. *Aspek bahasa dan kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asyraf Hj. Ab Rahman, Mazlina Ahmad, Mariati Mat Salleh@Md Nor dan H. Gunawan Adnan. 2022. Cabaran dan sumbangan penterjemah dalam memperkasa bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, 33(2): 63-82. DOI (<https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol33no2.4>).
- Azhar Ibrahim. 2014. *Bahasa dan tantangan intelektualisme*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Berita Harian*. 2022. PM ajak umat Islam amal tasamuh dalam kehidupan harian. Capaian pada 13 Jun 2022 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/965288/pm-ajak-umat-islam-amal-tasamuh-dalam-kehidupan-harian>
- Bernama*. 2017. Penerapan bahasa Arab dalam sistem pendidikan Islam mampu beri kesan positif pada Malaysia. Capaian pada 20 Ogos daripada <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/penerapan-bahasa-arab-dalam-sistem-pendidikan-islam-mampu-beri-kesan-positif-pada-malaysia-138083>

- Bernama. 2019. UPSI sangkal dakwaan tidak benarkan penulisan tesis dalam bahasa Tamil. Capaian pada 16 Ogos 2023 daripada <https://www.malaysiakini.com/news/476544>
- Bernama. 2020. Tubuh parti baharu bawa lebih banyak perpecahan orang Melayu – Rais Yatim. Capaian pada 13 Ogos 2023 daripada <https://www.astroawani.com/berita-politik/tubuh-parti-baharu-bawa-lebih-banyak-perpecahan-orang-melayu-rais-yatim-254441>
- Bernama. 2021. Kalimah Allah dilarang disamakan dengan agama bukan Islam – MAINS. Capaian pada 25 April 2021 daripada <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1954276>
- Bernama. 2022. Dokumen Inisiatif Lelaki Qawwam dilancar, perkasa kepimpinan golongan lelaki. Capaian pada 26 Oktober 2022 daripada <https://bernama.com/bm/news.php?id=2131824>
- Chandra Muzaffar. 2010. *A plea for empathy: The quest for Malaysian unity*. Kuala Lumpur: Zubedy Ideahouse Sdn. Bhd.
- Chen S. C. 1997. Sociology of language. In *Encyclopedia of Language and Education*, eds. Hornberger N. H. and Corson D., 8. Dordrecht: Springer. Capaian pada 25 April 2021 daripada https://doi.org/10.1007/978-94-011-4535-0_1
- Crystal. D. 1999. Pragmatics. In *The new Fontana dictionary of modern thought*, Bullock, A. and Trombley, S. (Eds.), 678. London: HaperCollinsPublishers.
- Deneulin, S. and Bano, M. 2009. *Religion in development: Rewriting the secular script*. London: Zed Books.
- Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fakhry, M. 1997. *Islamic philosophy*. Oxford: Oneworld Publications.
- Fishman, J. A. 1971. The sociology of language: An interdisciplinary social science approach to language in society. In *Advances in the sociology of language*, ed. Fishman, J. A., 217–404. The Hague: Mouton.
- Foyasal Khan and Mohamed Aslam Haneef. 2022. Religious responses to sustainable development goals: An Islamic perspective. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 8(2): 161-180. DOI (<https://doi.org/10.21098/jimf.v8i2.1453>)
- Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis Pascasiswazah*. 2012. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi Edisi Semakan*. 2022. Bangi: Pusat Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Ahmad. 2009. *Ke luar jendela*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. 2016. *Bahasa dan pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun. t.t. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ilyas Abdullah. 2021. Perpaduan dan krisis politik Melayu: Satu analisis. *Journal of Administrative Science*, 18(1), 323 – 333.
- Jaffary Awang. 2003. Toleransi agama dan perpaduan kaum: Response intelek Malaysia – Satu observasi ringkas. In *Agama dan perpaduan kaum di Malaysia*, ed. Jaffary Awang, 82. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jenkins, R. 2002. *Foundations of sociology: Towards a better understanding of the human world*. London: Red Globe Press.

- Lee, Julian C. H. 2010. *Islamization and activism in Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. 2023. *Teks Ucapan Aluan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin Menteri Pendidikan Tinggi Sempena Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023-2030*, pada 15 Jun 2023. Capaian pada 13 Ogos 2023 daripada <https://www.mohe.gov.my/hebahan/teks-ucapan/teks-ucapan-ybm-majlis-pelancaran-pelan-tindakan-memartabatkan-bahasa-melayu-sebagai-bahasa-ilmu-di-institusi-pendidikan-tinggi-awam-ipta-2023-2030?highlight=WyJhZ2VuZGEiLCJhZ2VuZGEnLiJd>
- Khadijah Mohd Hambali. 2004. Islam Hadhari dalam konteks ketamadunan, budaya dan agama di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 20(2004): 1-20.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2008. Islam agama rahmah dan toleransi beragama: Realiti dan cabaran. In *Isu dan cabaran hubungan antara agama di Malaysia*, eds. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Mohammad Kamil Hj Abdul Majid and Syed Mohd Hilmi Syed Abdul Rahman, 1-28. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Lubna Abd. Rahman, Arnida A. Bakar dan Wan Azura Wan Ahmad. 2008. *Mengenal bahasa Arab melalui al-Quran*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mansor Mohd Noor. 2005. Memahami dan mengurus ekstremisme agama di Malaysia. *REKAYASA – Journal of Ethics, Legal and Governance*, 1, 51-61.
- Mansor Mohd Noor. 2020. Explaining the May 9th regime change in Malaysia: Ethnic boundary, social differentiation, national ethos and political changes. *South Asian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(3): 93-110. <http://doi.org/10.48165/sajssh.2020.1307>
- Mansoureh Ebrahimi and Kamaruzaman Yusoff. 2017. Islamic identity, ethical principles and human values. *European Journal of Multidisciplinary Studies*, 2(6): 326-337.
- M. Kamal Hassan. 2021. *Corruption and hypocrisy in Malay Muslim politics: The urgency of moral-ethical transformation*. Kuala Lumpur: Emir Research.
- Mohd Aris Haji Othman. 1985. *Identiti etnik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Najib Abdul Razak. 2010. *Transformasi minda memeta wawasan melaksana amanah*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Muhamad Ali. 2016. Malaysia's Islam Hadhari and the role of the nation-state in international relations. In *Islam and international relations*, eds. Abdelkader, D., Adiong, N.M. and Mauriello, R., 207-228. London: Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-1-137-49932-5_9.
- Muhammad Syukri Rosli. 2016. *Islamisasi tidak semestinya arabisasi*. Capaian pada 20 Ogos 2023 daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-olud/2016/04/147770/islamisasi-tidak-semestinya-arabisasi>
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2015a. *Dimensi bahasa dalam agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2015b. 'Ilm al-tafsir and critical discourse analysis: A methodological comparison. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(1):

129-142.

- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. 2018. The identity in religious language in Malaysia. *American Journal of Humanities and Social Sciences Research*, 2(8): 74-79.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. 2023. Bahasa agama dalam falsafah Melayu: Faktor pengabaian dan kepentingan. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 30(1): 149–172. DOI (<https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.8>).
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Nor Fariza Mohd Nor. 2018. Muslim religious practice and non-Muslim response in Malaysian inter-religious discourse. *The Journal of Social Sciences Research*, Special Issue, 6: 363-369. DOI (<https://doi.org/10.32861/jssr.spi6.363.369>).
- Munsiy Abdullah. 1974. *Hikayat Abdullah*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- New World Encyclopedia. 2021. *Sociology of religion*. Capaian pada 30 April 2021, daripada https://www.newworldencyclopedia.org/entry/Sociology_of_religion
- Nik Safiah Karim. 2010. *Panorama bahasa Melayu sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norfaezah Mohd Hamidin, Yaakob Hasan, Abdul Razif Zaini dan Naqibah Mansor. 2023. Tahap kompetensi bahasa Arab guru STAM. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(1): 64-72. DOI (<https://doi.org/10.55057/ijares.2023.5.1.7>).
- Norhashimah Mohammad Yasin. 1994. Islamisation or Malaynisation? A study on the role of Islamic law in the economic development of Malaysia: 1969-1993. PhD thesis. University of Warwick.
- Norshahril Saad. 2016. Exclusivist attitudes in Malaysian Islam have multifarious roots. *Perspective*, 2016(39). Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.
- Nur Izzati Abdul Rahim dan Shereeza Mohamed Saniff. 2020. Pelaksanaan konsep gagasan Rahmatan Lil ‘Alamin dalam membentuk dasar baharu Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(31): 64-77.
- Nurul Faedah Md Ahair and Zuliza Mohd Khusrin. 2020. Kawalan undang-undang terhadap pembinaan rumah ibadat di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(2): 53-64.
- Omoniyi, T. and Fishman, J. A. 2006. Introduction. In *Explorations in the sociology of language and religion*, eds. Omoniyi, T. and Fishman, J. A., 1-3. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Panduan Penulisan Ilmiah Edisi Keempat*. 2020. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 2023. *Malaysia MADANI*. Capaian pada 7 Ogos 2023 daripada <https://www.pmo.gov.my/ms/membangun-malaysia-madani-2/>
- Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sains Islam Malaysia. 2021. *Academic programmes*. Capaian pada 3 Mei 2021 daripada <https://admission.usim.edu.my/program-details/?pid=56>
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Budaya yang tercabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Nurul Izza Hashim, Roziah Sidik @ Mat Sidek and Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2021. Tulisan Jawi pelopor keilmuan di alam Melayu: Satu kajian awal. *MANU*, 32(2): 19-34.

- Tajfel, H. and Turner, J. C. 1986. The social identity theory of intergroup behaviour. In *Psychology of intergroup relations*, eds. Worchel, S. and Austin, W.G., 7-24. Chicago: Hall Publishers.
- Wafdi Auni Mohamed.. 2019. Kerajaan perpaduan dalam wacana parti politik Melayu-Muslim di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 11(1): 107-118.
- Wan Mohd Nor Wan Daud 2013. *Islamization of contemporary knowledge and the role of the university in the context of de-Westernization and decolonization*. Skudai: Penerbit UTM.
- Wan Norhasniah Haji Wan Husin. 2010. Budi-Islam sebagai teras pembinaan identiti Melayu: Satu analisis mengikut perspektif peradaban. *Jurnal Perspektif*, 2(2): 35-50.
- Welsh, B., Carnegie Endowment for International Peace. 2020, Malaysia's political polarization: Race, religion, and reform. In *Political Polarization in South and Southeast Asia: Old Divisions, New Dangers*, eds. Carothers, T. and O'Donohue, A., 41-52. Carnegie Endowment for International Peace.
- Zakaria Stapa. 2021. Manhaj rabbani ummah berkualiti. Risalah Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1443/2021. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Capaian pada 2 Januari 2024 daripada https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/risalah/Risalah_Sambutan_Maal_Hijrah_Peringkat_Kebangsaan_1443H2021M.pdf